



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
BLOK K, ARAS 2
PUSAT BANDAR DAMANSARA
PETI SURAT 12579
50782 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-2094 7033
Fax : 03-2095 6523
Kawat : "MINRUMAH"
http : //www.kpkt.gov.my
E-mail : pro@kpkt.gov.my

() KPKT/BPK/19/7/4 Klt. 34

24 Februari 2011

SIARAN MEDIA

INSINERATOR PULAU PANGKOR MENAMBAH BAIK SISTEM PENGURUSAN SISA PEPEJAL

PULAU PANGKOR, 24 Februari 2011- Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Yang Berhormat Dato' Wira Chor Chee Heung mengadakan lawatan kerja ke Majlis Perbandaran Manjung hari ini.

Agenda utama lawatan ini ialah lawatan ke loji insinerator Pulau Pangkor. Loji ini direka bentuk untuk merawat sisa pepejal domestik yang dihasilkan oleh penduduk Pulau Pangkor Perak. Ianya terletak di Teluk Cempedak dan dibina di atas tapak pelupusan sedia ada dengan keluasan tapak seluas 2.2 ekar. Projek yang bernilai RM 20,337,000.00 ini dibina dengan menggunakan teknologi *Rotary Kiln* oleh Syarikat Tempatan iaitu XCN Technology Sdn Bhd. Projek ini telah siap dibina pada 30 Jun 2010 dengan jangkamasa pembinaan selama 27 bulan.

Insinerator ini mampu merawat 20 tan sisa pepejal sehari dan beroperasi selama 16 jam sehari serta mempunyai 2 proses *line*. Satu *line* akan beroperasi pada satu masa dan satu *line* lagi akan bertindak sebagai *standby*.

Loji ini dilengkapi dengan *Continuous Emission Monitoring System (CEMS)* agar tahap pelepasan gas dari cerobong asap loji ini dapat dipantau oleh Jabatan Alam Sekitar secara *online*.

Insinerator Pulau Pangkor dilengkapi dengan *waste seperation facility, thermal treatment facility, gas cooling system, air pollution control facility, wastewater treatment facility* dan bangunan pentadbiran.

Terdapat lima (5) projek insinerator yang sedang diusahakan termasuklah Insinerator Pulau Pangkor ini. Kos pembinaan Insinerator berkenaan adalah Pulau Langkawi (RM 68,400,000.00), Insinerator Cameron Highlands (RM 42,200,000.00), Insinerator Pulau Tioman (RM 22,800,000.00) dan Insinerator Pulau Labuan (RM 34,000,000.00).

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Wira Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Landskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Pn. Jessylina Mat Lazim, Ketua Komunikasi Korporat (jessylina@kpkt.gov.my)

| | | |
|------------------|---|--|
| Dikeluarkan Oleh | : | Unit Komunikasi Korporat b.p. Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan |
| Telefon | : | 03-20992403/20993206 |
| Faks | : | 03-20956523 |
| Laman Web | : | http://www.kpkt.gov.my |
| e-mail | : | pro@kpkt.gov.my |